

ZUIYU51 43 47 28

U 8379 BAH  
MAHATHIR - SUMPAN

PULAU PINANG, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MDHAMAD MENJELASKAN HARI INI BAHAWA BELIAU TIDAK PERNAH MENGCABAR DATUK MUSA HITAM UNTUK BERSUMPAN SEBAGAIMANA DILAPORKAN OLEH SEBUAH AKHBAR BARU-BARU INI.

DITANYA OLEH PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS SEBELUM BERLEPAS BALIK KE KUALA LUMPUR BAHAWA DATUK MUSA TELAH MENYAHUT CABARANNYA ITU, PERDANA MENTERI MENEGASKAN: +SAYA TIDAK MENCABARNYA (DATUK MUSA) BERSUMPAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APA YANG SEBENARNYA BELIAU SEBUTKAN (PADA MAJLIS RAMAH MESRA DENGAN 3,000 ORANG PEKERJA PILIHAN RAYA KECIL BN DI JOHOR BAHRU PADA 22 OGOS) IALAH BELIAU SENDIRI (MAHATHIR) SANGGUP BERSUMPAN (BAHAWA TUDUHAN ITU TIDAK BENAR).

BELIAU JUGA MENARIK PERHATIAN BAHAWA DATUK MUSA, SEMASA MENJADI TIMBALAN PERDAMA MENTERI, TELAH PUN BERSUMPAN DI DALAM KABINET UNTUK TIDAK MEMBOCORKAN RAHSIA.

AKHBAR BERKEMANA (TUTUSAN MALAYSIA) PADA MUKA DEPAN KELUARAN 23 OGOS MELAPORKAN DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENCABAR DATUK MUSA SUPAYA BERSUMPAN DENGAN MENJUNJUNG QURAN DALAM MASJID UNTUK MEMBUKTIKAN KEBENARAN SEMUA TUDUHAN TERHADAPNYA YANG TERKANDUNG DALAM RAKAMAN VIDEO BERTAJUK +AMANAT MUSA UNTUK SEMUA+.

DALAM KENYATAANNYA KEPADA MEDIA MALAYSIA DI LONDON YANG DISIARKAN DALAM AKHBAR-AKBAR SEMALAM, DATUK MUSA BERKATA BELIAU AKAN PULANG KE TANAH AIR MINGGU DEPAN UNTUK MENJUNJUNG QURAN DI MASJID SEBAGAI MEMBUKTIKAN KEBENARAN KANDUNGAN RAKAMANNYA ITU. --

BERNAMA

2025MST 03 09 88